

**Book Review / Ulasan Buku****Konsep Agama, Islam, Ilmu Dan Akhlak Oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas Dalam *Islam: Faham Agama Dan Asas Akhlak***

Mastura Haji Abd Wahab <sup>1</sup> & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali <sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Pelajar Sarjana Sains Sosial, Program Generik, Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Negeri Sembilan, Malaysia. masturawahab02@yahoo.com

<sup>2</sup> Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai, 71800 Negeri Sembilan, Malaysia.

\* Corresponding Author: wmfazrul@usim.edu.my

**1. Pendahuluan**

Agama merupakan salah satu perkara penting dalam kehidupan manusia sebagai *homo religiosus* (Shah, Friedman 2018; Eliade, 1987). Agama disebut sebagai *al-Dīn* dalam Bahasa Arab dan *religion* dalam Bahasa Inggeris. Menurut Kamus Dewan (2010), perkataan agama bermaksud kepercayaan pada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya, kepercayaan pada yang Maha Kuasa. Beberapa ahli falsafah Barat memberikan maksud *religion* mengikut konteks atau bidang kepakaran masing-masing. Ada yang mengatakan agama sebagai kepercayaan terhadap makhluk-makhluk spiritual, agama sebagai jalan pertengahan antara magik dan sains, agama sebagai sistem kepercayaan yang berkaitan dengan perkara-perkara yang dianggap suci (*sacred things*), dan banyak lagi (Tylor, 1874; Frazer, 1890; Durkheim, 1912).

Muhammad <sup>c</sup>Abdullah Darrāz (1894-1958) memberikan pengertian *al-Dīn* sebagai kepercayaan terhadap kewujudan zat yang tidak kelihatan atau zat yang paling tinggi, yang mempunyai perasaan dan keinginan, kewibawaan dan kawalan terhadap perkara yang dipentingkan oleh manusia. Kepercayaan ini akan membangkitkan rasa ingin mencari dalam diri manusia bagi mendapatkan perlindungan daripada zat yang paling tinggi ini sama ada dalam kegembiraan, ketakutan, dan sebagainya. Secara ringkas, *al-Dīn* adalah kepercayaan kepada ketuhanan suatu zat, yang melahirkan ketaatan dan peribadatan (Muhammad <sup>c</sup>Abdullāh Darrāz 1990: 51).

Manuscript Received Date: 19/06/21

Manuscript Acceptance Date: 06/07/21

Manuscript Published Date: 02/08/21

©The Author(s) (2020). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [usimpress@usim.edu.my](mailto:usimpress@usim.edu.my)

doi: 10.33102/uij.vol33.no1.02



Universiti Sains Islam Malaysia  
[ujournal.usim.edu.my](http://ujournal.usim.edu.my)

Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (al-Attas), Islam adalah agama yang benar di sisi Allah dan agama bagi umat Islam yang digelar sebagai Muslim. Malah Islam juga merupakan agama yang mengajarkan konsep akhlak, bukan terfokus kepada aspek kepercayaan sahaja (2019). Menurut Abu Al-<sup>°</sup>Ālā Al-Maudūdī (1985), perkataan Islam bermaksud tunduk dan patuh kepada perintah Allah yang Maha Berkuasa serta meninggalkan segala larangan-Nya. Istilah akhlak berasal daripada bahasa Arab yang diambil daripada perkataan '*khuluq*' yang boleh didefinisikan sebagai perangai atau tingkah laku, tabiat, kepercayaan, pegangan atau agama. Berdasarkan pengertian ini, akhlak merupakan perangai, tabiat, maruah atau agama yang mempamerkan gambaran atau rupa batin seseorang (Asmawati Suhid & Abdul Rahman Md. Aroff, 2004).

Isu kesalahfahaman terhadap agama Islam timbul apabila manusia terkeliru atau kurangnya ilmu dan kefahaman yang jelas mengenai agama, Islam, ilmu dan asas akhlak. Justeru, buku *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak* oleh Al-Attas ini didatangkan bagi merungkaikan kesalahfahaman terhadap Islam dengan penjelasan mengenai faham konsep agama, Islam, ilmu dan asas akhlak. Al-Attas merupakan salah seorang tokoh falsafah kontemporari Islam daripada Nusantara Melayu. Beliau mahir dalam ilmu-ilmu berkaitan metafizik, sastera, teologi, falsafah, agama, sejarah, dan peradaban. Kitab *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak* yang diterbitkan pada 1977 ini asalnya adalah sebuah syarahan dalam bahasa Inggeris yang pernah disampaikan oleh Al-Attas di Mukhtar Islam Antarabangsa di London pada tahun 1976. Kemudian diterbitkan sebagai salah satu bab dalam buku *Islam and Secularism* (1978). Keseluruhan buku *Islam and Secularism* ini telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa, termasuklah dalam Bahasa Melayu Malaysia, Melayu Indonesia, Hindi, Malayalam, Arab, Turki, Urdu, Bosnia, Albania dan Parsi.

Artikel ini menyimpulkan secara ringkas topik-topik berkaitan agama Islam, konsep ilmu dan asas akhlak seperti yang termaktub dalam buku *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Di samping itu, penulis juga akan menyatakan secara ringkas biografi Al-Attas, isu kesalahfahaman terhadap Islam, serta mesej-mesej utama berkaitan agama, Islam dan asas akhlak yang terdapat dalam buku *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*.

Pada 15 Februari 2019, penulis juga berkesempatan menghadiri *International Symposium On Syed Muhammad Naquib Al-Attas: Philosophical and Civilizational Dimensions* di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur. Dalam simposium ini, pelbagai aspek pemikiran Al-Attas telah diulas lanjut seperti maksud Islam, asal usul perkataan Islam, maksud agama, *al-Dīn*, *al-millah*, konsep ketuhanan (*ilāhiyyāt*) dan kerasulan (*al-Nubuwwāt*). Ulasan-ulasan ini mengajak manusia untuk berfikir aras tinggi bagi mengenal hakikat ketuhanan yang Esa dan maksud Islam yang sebenar, melangkaui apa yang terbatas dalam konteks perlembagaan serta penelitian ilmu sains sosial, ekonomi dan psikologi.

## 2. Biografi Ringkas Syed Muhammad Naquib Al-Attas

Nama penuh Al-Attas ialah Syed Muhammad Naquib bin Ali bin Abdullah bin Muhsin bin Muhammad Al-Attas. Beliau dilahirkan pada 5 September 1931 di Bogor, Jawa Barat. Istilah sayyid atau syed digunakan pada namanya untuk menandakan keturunan Husaynid. Ini berlaku kepada Al-Attas kerana salasilahnya dapat dikesan melalui sayyid-sayyid 'Alawi di Hadramaut yang salasilahnya kembali kepada Imam Hussein RA, cucu Nabi Muhammad SAW (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1998: 1).

Al-Attas mendapat pendidikan awal di Indonesia dan Malaysia. Pada usia lima tahun, beliau didaftarkan di Sekolah Rendah Ngee Heng di Johor untuk pendidikan rendahnya dari tahun 1936 hingga 1941. Setelah selesai pendidikan tahap rendah, Al-Attas melanjutkan pelajarannya dalam bahasa Arab di Madrasah Al-Urwat Al-Wuthqa di Sukabumi, Jawa Barat dari tahun 1941 hingga

1945. Pada usia lima belas tahun, Al-Attas kembali ke Johor lagi untuk melanjutkan pelajarannya iaitu pertamanya di sekolah Bukit Zahran dan kemudian di English College (1946 - 1951) (Irma Novayani, 2017: 76-77). Kemudian, beliau mengikuti pendidikan ketenteraan di akademi tentera di Eton Hall, Chester, Wales dan seterusnya di Royal Military Academy, Sandhurst, England (1952-1955). Pada masa inilah minat Al-Attas terhadap bidang kesusasteraan Melayu mulai berkembang. Hal ini kerana beliau tinggal bersama dengan salah seorang bapa saudaranya, Ungku Abdul Aziz Bin Ungku Abdul Majid, yang memiliki perpustakaan manuskrip Melayu yang unik, terutamanya dalam topik kesusasteraan dan sejarah Melayu.

Al-Attas telah menulis sebuah karya sastera Melayu Sufi ketika masih menjadi pelajar Sarjana Muda di Universiti Malaya. Buku tersebut berjudul *Rangkaian Ruba'iyat* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1959. Kemudian beliau menghasilkan buku keduanya dalam bidang Tasawwuf yang bertajuk *Some Aspects of Sufism as Understood and Practised Among the Malays*, terbitan Institut Pendidikan Sosiologi Malaysia pada tahun 1963 (Wan Mohd Nor, 2012). Seterusnya, beliau menyambung pelajaran di peringkat Sarjana di Institute of Islamic Studies, Universiti McGill, Montreal, Quebec, Kanada dalam bidang pengajian Falsafah Islam pada tahun 1960. Pada tahun 1962, beliau berjaya menyelesaikan tesis beliau berjudul *Raniri and the Wujudiyah of 17th Century Aceh* dan lulus dengan kepujian. Selepas itu, beliau menyambung pelajarannya di peringkat Doktor Falsafah di School of Oriental and African Studies, Universiti London pada tahun 1963. Pada bulan Mei tahun 1966, beliau berjaya menghasilkan tesis doktoral bertajuk *The Mysticism of Hamzah Fansuri* di bawah seliaan A. J. Arberry dan Martin Lings (Aris Widodo, 2009; Aidil Farina Omar & Azmul Fahimi Kamaruzaman, 2020).

Walaupun dilahirkan di Indonesia, Al-Attas banyak menghabiskan kehidupan akademik dan pekerjaannya di Malaysia. Beliau memulakan kerjaya akademik pertamanya sebagai pensyarah, seterusnya sebagai pensyarah kanan dalam Kesusasteraan Islam Melayu klasik di Universiti Malaya dari tahun 1964 sehingga tahun 1969. Al-Attas seterusnya dilantik menjadi Ketua Bahagian Sastera di Jabatan Pengajian Melayu di universiti tersebut pada tahun 1968 dan menjadi Dekan Fakulti Kesenian dari tahun 1969 sehingga tahun 1970. Pada tahun 1970, beliau merupakan salah seorang pengasas Universiti Kebangsaan Malaysia. Dari tahun 1987 hingga 2003, beliau telah dilantik sebagai Pengarah International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), Malaysia (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1998; Aris Widodo, 2009).

Guru-guru beliau dari kalangan Orientalis dan sarjana Jepun yang terkenal adalah seperti Hamilton Gibb dari England dan Toshishiko Izutsu dari Jepun. Beliau juga telah bekerja dengan ramai Orientalis terkemuka seperti A. J. Arberry, Richard Winstedt dan Martin Lings ketika berada di Pusat Pengajian Oriental dan Afrika, Universiti London. (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1998; Aris Widodo, 2009). Al-Attas telah menulis lebih kurang 31 buah buku dan monograf mengenai Islam yang berkaitan dengan bidang metafizik, sastera, teologi, falsafah, agama, sejarah, dan peradaban. Ada antara buku-bukunya ini yang telah diterjemahkan kepada bahasa lain seperti Bahasa Arab, Indonesia, Parsi, Turki, Hindi, Urdu, Malayalam, Rusia, Itali, Bosnia, Albania dan Jerman. Antara karya bercetak yang ditulis oleh beliau menurut Wan Mohd Nor Wan Daud (2012) adalah seperti berikut:

- i. *Rangkaian Ruba'iyat*, Dewan Bahasa dan Pustaka (1959).
- ii. *Some Aspects of Sufism as Understood and Practised Among the Malays*, Malaysia Sociological Research Institute, Singapura (1963).
- iii. *Raniri and The Wujudiyah of 17th Century Aceh*, Monograph of the Royal Asiatic Society, Cabang Malaysia, No 111, Singapura (1966).
- iv. *The Origin of the Malay Shair*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (1968).

- v. *Preliminary Statement On A General Theory of The Islamization of The Malay-Indonesian Archipelago*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (1969).
- vi. *The Mysticism of Hamzah Fansuri*, University Malaya Press, Kuala Lumpur (1970).
- vii. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor (1972).
- viii. *Islam and Secularism*, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur (1978). Diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, Parsi, Urdu, Hindi, Malayalam, Indonesia, Bosnia, Albania (Al-Attas, 2001).
- ix. (Editor) *Aims and Objectives of Islamic Education*, Hodder dan Stoughton dan King Abdul Aziz University, London (1979).
- x. *The Concept of Education in Islam: A Frame work of an Islamic Philosophy of Education*, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur (1980).
- xi. *Islam and the Philosophy of Science*, ISTAC, Kuala Lumpur (1989). Diterjemahkan ke dalam bahasa Turki, Parsi, Bosnia dan Indonesia (Al-Attas, 2001).
- xii. *The Meaning and Experience of Happiness in Islam*, ISTAC, Kuala Lumpur (1993). Diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, Jerman, Turki dan Itali (Al-Attas, 2001).
- xiii. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*, ISTAC, Kuala Lumpur (1995). Diterjemahkan ke dalam bahasa Parsi dan Rusia (Al-Attas, 2001).
- xiv. *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the 'Aqā'id of Al-Nasāfi*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1998).
- xv. *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, ISTAC, Kuala Lumpur (2001).

Metodologi yang digunakan dalam artikel ini adalah kajian analisis teks *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak* berkaitan konsep agama, Islam, dan asas akhlak yang diutarakan oleh Al-Attas. Selain itu, kajian ini juga mengambil rujukan sampingan daripada buku-buku dan artikel jurnal yang berkaitan dengan konsep agama, Islam dan akhlak serta historiografi atau riwayat hidup Al-Attas. Topik-topik yang diberi penekanan dalam buku *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak* adalah berkaitan maksud agama dari segi bahasa dan istilah; maksud *al-Dīn* dan faham *al-Dīn*; maksud Islam dari sudut bahasa dan istilah; konsep ilmu, serta sifat-sifat asasi atau asas akhlak bagi Islam.

### 3. Pengenalan Ringkas Kepada Buku *Islam: Faham Agama Dan Asas Akhlak*

Pada asalnya, risalah ini merupakan syarahan Al-Attas pada muktamar Islam Antarabangsa yang dianjurkan oleh Majlis Islam Eropa pada 5 April 1976 di Dewan Besar Royal Commonwealth Society, London. Syarahan ini telah beliau sampaikan dalam bahasa Inggeris dan buku ini merupakan isi kandungannya yang dikarang dalam bahasa Melayu oleh Al-Attas.

Buku *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak* (2019) juga merupakan bab yang ketiga dalam buku *Islam and Secularism* (1978) karangan Al-Attas dalam Bahasa Inggeris. Buku *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak* (2019) ini mengandungi seratus halaman. Buku ini telah diterbitkan sebanyak tujuh kali iaitu empat terbitan dalam bahasa Melayu dan tiga terbitan dalam bahasa Inggeris seperti berikut:

- 1) *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. (1976), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- 2) *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. (1977), Yayasan Anda Akedemik.

- 3) *Islam: the Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*. (1992). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 4) *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. (2013), Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM).
- 5) *Islam: the Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*. (2013), Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM).
- 6) *Islam: the Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*. (2018), Ta'dib International Sdn Bhd.
- 7) *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. (2019), Ta'dib International Sdn Bhd.

Melalui penelitian terhadap kandungan buku ini, secara keseluruhannya buku *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak* yang ditulis Al-Attas ini mengandungi topik-topik berkenaan akidah dan pemikiran Islam iaitu mengenai agama dan Islam, serta perbincangan mengenai tasawwuf iaitu asas akhlak. Turut terdapat dalam huraian buku ini adalah perbincangan mengenai epistemologi ilmu serta sifat-sifat insaniah, dan perhambaan kepada Allah (*‘ubudiyyah*). Bagi menguatkan hujah-hujah beliau dalam buku ini, beliau membuat huraian ringkas bagi konsep-konsep yang disebutkan di atas dengan *shawāhid* atau bukti-bukti daripada ayat-ayat Quran, hadis-hadis Rasulullah saw, serta perumpamaan Arab.

#### 4. Merungkai Beberapa Kesalahfahaman Terhadap Agama Islam

Menurut Khalif Muammar A. Harris dalam Diskusi Buku *Islām dan Sekularisme* (2020), kesalahfahaman terhadap agama Islam boleh berlaku sekiranya seseorang individu tersebut tiada kefahaman yang jelas yang menyebabkan kekeliruan terhadap konsep-konsep utama dalam Islam seperti konsep ketuhanan, iman, ilmu dan asas akhlak. Tambah beliau lagi, antara contoh kesalahfahaman mengenai Islam termasuklah di mana Islam hanya difahami sebagai amalan ritual yang terangkum pada lima rukun sahaja iaitu mengucapkan syahadah, bersolat lima waktu, berzakat, berpuasa pada bulan Ramadan dan menunaikan Haji (Muhammad Zul-Faisal Omar, 2020).

Kefahaman terhadap agama Islam juga tidak wajar difahami sebagaimana yang ditunjukkan oleh golongan literalis yang merujuk kepada dalil-dalil Al-Quran dan Al-Sunnah. Golongan ini menolak perbincangan menggunakan pendekatan rasionalisme atau akliah yang mendalam untuk memahami persejarahan dan persyariatatan ajaran-ajaran Islam. Tren literalis sebegini dapat dilihat dalam kalangan konservatif atau tradisionalis yang mementingkan perkara tradisi dan tidak inginkan perubahan (Muhammad Zul-Faisal Omar, 2020). Sedangkan perubahan yang berlaku di seluruh dunia adalah sangat laju dan adalah penting untuk umat Islam mengenali autoriti ilmu serta mengelakkan diri mereka daripada salah mengamalkan atau menyampaikan ajaran Islam dalam masyarakat.

Terdapat juga satu kelompok lain iaitu golongan moden yang lebih cenderung mentafsir hal berkaitan Islam secara menyeleweng. Hasil pengaruh nilai-nilai ilmu Barat, moden dan sekular, mereka ini menolak hukum-hukum yang *thawābit* (tetap) dalam Islam seperti kewajipan bersolat lima waktu, kefarduan membayar zakat, kewajipan menutup aurat dalam solat dan di hadapan mahram (Muhammad Zul-Faisal Omar, 2020). Oleh itu, buku ini ditulis oleh Al-Attas bagi menjelaskan secara terperinci berkaitan faham konsep agama, Islam, ilmu serta asas akhlak yang sering dilupakan dan menyebabkan kekeliruan dalam Islam.

### 5. Konsep Agama, Islam, Ilmu, Dan Akhlak Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas Dalam Buku *Islam: Faham Agama Dan Asas Akhlak*

Seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini, terdapat empat konsep utama yang dibahasakan oleh Al-Attas dalam buku *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Empat konsep utama yang perlu difahami secara jelas oleh setiap insan adalah seperti berikut:

#### i. Agama

Menurut Al-Attas, memahami agama di sini merujuk kepada kefahaman terhadap konsep *al-Dīn*. Konsep *al-Dīn* dalam Islam berbeza dengan konsep *religion* dari Barat. Al-Attas menjelaskan maksud *al-Dīn* berdasarkan Kamus *Lisān al-ʿArab* karya agung Ibn Manzūr yang dicetak di Beirut pada tahun 1968. Terdapat empat maksud *al-Dīn* yang telah dirumuskan oleh Al-Attas iaitu:

- a. keadaan berhutang;
- b. keadaan menyerah diri;
- c. kuasa dan daya memberi hukuman, penilaian dan pertimbangan;
- d. perkara yang membawa kecenderungan kepada diri setiap manusia atau sesuatu kebiasaan yang menjadi adat resam dalam hidup manusia.

Secara ringkasnya, pengertian yang terakhir *al-Dīn* merangkumi maksud keimanan, kepercayaan, amalan, ajaran dan anutan orang Muslim sama ada dari sudut individu atau masyarakat yang bergabung membentuk sebuah agama yang dinamakan Islam (Al-Attas, 2019: 3-5).

Faham *al-Dīn* pula bermaksud suatu gaya, cara berkelakuan atau perangai setiap insan yang selari, sebati dan sepakat mengikut undang-undang yang adil serta adab dan tatasusila masyarakat yang luhur dan baik budi pekertinya. Secara analoginya, apabila manusia mengetahui bahawa mereka telah berhutang nyawa yang diberikan oleh Allah sejak azali lagi, maka setiap insan perlu menebusnya dengan menyerah diri tanpa paksaan dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Secara ringkasnya, kefahaman terhadap agama ini membawa kepada amalan baik yang berterusan dalam diri manusia yang diperhalusi dengan adab atau akhlak yang terpuji, sehingga menjadi kebiasaannya atau tabiat dalam tata cara hidup insan yang bergelar Muslim. Kefahaman yang jelas terhadap konsep agama atau *al-Dīn* akan membentuk sesebuah *tamaddun* Islam yang agung, di mana keadaan kehidupan Muslim yang bermasyarakat itu sudah mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakatnya (Al-Attas, 2019: 7-9).

#### ii. Islam

Al-Attas menyatakan bahawa maksud Islam itu adalah hasil gabungan maksud *al-Dīn* dan *aslama*. Seperti yang disebutkan pada subtopik sebelum ini, kalimah *al-Dīn* bererti gaya atau tatacara hidup yang luhur dalam kehidupan manusia. *Al-Dīn* secara hakikinya juga merujuk kepada agama Islam kerana satu-satunya agama yang diterima di sisi Allah swt adalah agama Islam. Perkataan *aslama* pula bererti menyerah diri. Dalam Islam, penyerahan diri bermaksud penyerahan yang tulus ikhlas dan disedari serta diredhai dan yang dilakukan secara habis-habisan kepada Allah swt. Tambahan pula, penyerahan diri ini juga perlu dilakukan secara sukarela tanpa apa-apa paksaan serta patuh terhadap perintah Allah swt (Al-Attas, 2019: 25). Firman Allah dalam surah al-Baqarah:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ  
لَا انفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ٢٥٦

Maksudnya: Tidak ada paksaan dalam (menganut) agama (Islam), sesungguhnya telah jelas (perbezaan) antara jalan yang benar dengan jalan yang sesat. Sesiapa ingkar kepada Taghut dan beriman kepada Allah, maka sungguh, dia telah berpegang (teguh) pada tali agama yang sangat kuat yang

tidak akan putus. Allah Maha Mendengar, Maha Mengetahui. [Al Baqarah:256]

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah tidak sesekali memaksa hamba-hamba-Nya untuk beriman kepada-Nya. Tetapi, satu-satunya agama yang hak iaitu yang benar dan diterima di sisi Allah swt adalah agama Islam. Orang yang beragama selain daripada Islam dianggap kufur atau kafir, yakni sesat. Maka, sesiapa sahaja yang mentauhidkan Allah atau tidak mensyirikkan-Nya tergolong dalam kalangan orang yang teguh imannya tanpa berpaling daripada Allah dan agama Islam. Allah juga Maha mendengar dan Maha Mengetahui setiap sesuatu yang nyata mahupun yang tersembunyi.

Oleh itu, hasil daripada gabungan maksud *al-Dīn* dan *aslama*, terbentuklah kalimah Islam yang bermaksud penyerahan diri oleh sesuatu yang bersifat haywani (rendah) seperti manusia dan makhluk-makhluk Allah yang lain. Makhluk-makhluk Allah ini mempunyai akal, hati, nafsu dan kekuatan diri bagi mengabdikan diri kepada-Nya (*‘ubdiyyah*) dengan melakukan segala suruhan-Nya (Al-Attas, 2019: 37). Maksud Islam ini bertepatan dengan hadis Rasulullah saw (dikenali juga sebagai hadis Jibril) terhadap maksud Islam, iaitu: “*Kamu bersaksi (bershahādah) bahawa tiada ilāh (tuhan) selain Allah dan bahawasanya Muhammad itu adalah Rasul (pesuruh) Allah, dan hendaklah kamu mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan haji ke Baitullah jika kamu mampu mengerjakannya*” (H.R Al- Bukhari, 1987:50; Muslim, t.t:9).

### iii. Ilmu

Menurut Al-Attas, ilmu terbahagi kepada dua jenis. Ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut: “Ilmu, sebagaimana yang kita fahami, terbahagi kepada dua macam, meskipun keduanya itu merupakan suatu kesatuan yang saksama dan sempurna. Yang pertama iaitu ilmu yang diberikan oleh Allah Subhanahu wa Ta’ala sebagai Kurnia-Nya kepada insan; dan yang kedua iaitu ilmu yang dicapai dan diperoleh oleh insan berdasarkan daya usaha akliahnya sendiri yang berpunca kepada pengalaman hidup indera jasmani dan nazar-akali serta pemerhatian dan penyelidikan dan pengkajian” (Al-Attas, 2019: 59).

Ilmu yang pertama adalah ilmu yang diberikan oleh Allah kepada insan. Ilmu yang pertama ini dibahagikan kepada dua, iaitu *tanzil* (sesuatu yang diwahyukan) dan pengenalan (kerana memperkenalkan perkara-perkara penting berkenaan Tuhan dan makhluk) yang merujuk kepada diri insan, alam serta Tuhan yang Esa. Ringkasnya, ilmu yang pertama ini merupakan wahyu Allah kepada manusia sebagai petunjuk kepada kehidupan beragama yang benar dan lurus. Ilmu inilah ilmu yang hakiki (sebenar). Ilmu ini mengandungi tatacara manusia beribadah kepada Allah swt dalam kehidupan seharian (Al-Attas, 2019: 59-60). Contohnya, Ilmu *‘Aqīdah (Tawhīd)*, Ilmu Sharī‘ah (fiqh) dan Ilmu Tasawwuf (*Akhlāq*). Hukum mempelajari Ilmu yang pertama ini adalah fardu ain, yakni wajib bagi semua Muslim.

Ilmu yang kedua pula merujuk kepada *‘ilm* yang berbentuk jamak (*‘ulūm*), yakni pelbagai jenis ilmu pengetahuan. Ilmu ini diperoleh oleh insan melalui kekuatan akal (*‘aqliyyah*) sendiri, melalui pengalaman hidup, pemerhatian dan penyelidikan dalam kehidupan manusia di dunia (Al-Attas, 2019: 62). Berdasarkan perkembangan ilmu dan penyelidikan dunia hari ini, terdapat pelbagai jenis ilmu baru. Sebagai contoh, ilmu alat seperti Matematik dan Geometri, ilmu Sains seperti Biologi, Fizik, dan Kimia; ilmu Sejarah dan Peradaban, dan banyak lagi. Hukum mempelajari ilmu yang kedua ini adalah fardu kifayah, iaitu wajib kepada sebahagian orang Muslim, untuk menjaga kemaslahatan umat keseluruhannya agar tidak dianiaya dan ditindas umat bukan Islam.

## iv. Asas Akhlak

Menurut Al-Attas, konsep moral dalam Islam dan Barat sangat berbeza. Konsep moral di Barat lebih mementingkan kepada pencapaian tatacara hidup duniawi semata-mata tanpa kehidupan beragama. Kehidupan ini dikenali sebagai kehidupan sekular. Perkataan sekular berasal dari bahasa Latin *saeculum* yang bermaksud masa kini yang merujuk kepada kehidupan duniawi. Kehidupan duniawi pula sentiasa berubah mengikut kekuatan ilmu sains dan teknologi semasa. Kehidupan sekular menjadikan orang Barat bebas melakukan apa sahaja tanpa terikat dengan hukum-hakam agama asalkan mereka dapat mencapai kehidupan yang selesa, walaupun tatacara kehidupan mereka itu bercanggah dengan hukum agama (Al-Attas, 2019: 72 & Muhammad Zul-Faisal Omar, 2020 ). Ramai ahli Falsafah Barat seperti David Hume (1711-1776), Friedrich Nietzsche (1844-1900), Michel Foucault (1926-1984) menyatakan bahawa manusia perlu mengikut keinginan naluri mereka sendiri bagi mencapai kebahagiaan dalam hidup

Namun, bagi seorang Muslim, kebahagiaan itu dicapai apabila setiap insan itu berjaya menundukkan dirinya untuk mentaati segala suruhan Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Al-Attas menyebutkan sebuah hikmah yang berbunyi: *من عرف نفسه فقد عرف ربه*, yang bermaksud *“Barangsiapa mengenal dirinya, maka dia mengenal Tuhannya.”* Justeru, Al-Attas menyatakan bahawa sifat-sifat asasi (asas-asas akhlak) ini menjadi asas kepada faham diri dan faham insan (manusia) dalam Islam yang akhirnya akan membawa kepada mengenali Allah swt. Sifat-sifat ini menjadi dasar kehidupan beragama bagi setiap individu yang bergelar Muslim. Antara sifat-sifat yang menjadi asas kehidupan Islamiah, yakni kehidupan yang berakhlak adalah seperti berikut:

- i) Faham kebebasan dan tugas serta tanggungjawab;
- ii) Faham ilmu;
- iii) Faham keihlanan;
- iv) Budi pekerti yang luhur dan sempurna;
- v) Faham ukhuwah;
- vi) Persaudaraan diri yang Islam;
- vii) Faham peranan dan kelakuan serta perangai diri seseorang dan masyarakat;
- viii) Daya sifat yang saling membantu antara satu sama lain sehingga membentuk kesatuan diri dalam kehidupan bermasyarakat di sesebuah negara (Al-Attas, 2019: 38-39 & 73).

Kesemua lapan sifat akhlak ini adalah sangat penting dalam melestarikan kehidupan Islam. Menerusi pelestarian Islam dalam faham ilmu, seorang Muslim itu dapat mengetahui dan memahami peranannya dalam dunia ini. Menerusi faham kebebasan, tugas, dan tanggungjawab pula, seorang Muslim itu dapat melaksanakan peranannya dengan baik berdasarkan faham ilmu yang benar. Seterusnya, menerusi faham ihsan dan faham ukhuwah pula, seorang Muslim itu dapat menunaikan tanggungjawabnya yang sebenar sebagai seorang Muslim dalam sebuah masyarakat yang sangat dinamik dan rencam sifatnya.

Karya Al-Attas ini sangat penting untuk dihadam dan dihayati oleh masyarakat Muslim moden berdasarkan cabaran dan tentangan yang dihadapi pada masa kini. Perkara ini jugalah yang dinyatakan oleh Al-Attas sebelum menutup karyanya ini seperti berikut: “Masaalah makna-diri insan dan nasib terakhirnya itu pada hemat saya merupakan suatu masalah yang sangat asasi sifatnya, sebab dia menjadi biang-bibir segala masalah lain yang kini sedang menyerang kita dengan hebatnya. Penyakit ini sedang menular menjalar ke dalam jiwa masyarakat dewasa ini. Dalam suasana kekeliruan insan yang mengabuti tiap zaman maka kita senantiasa menghadapi banyak cabaran; akan tetapi tiada cabaran yang lebih hebat dan berbahaya bagi insan semesta dari cabaran yang kini dihadapakan oleh kebudayaan dan tamadun Barat. Berani saya mendakwa bahawa cabaran yang



tergenting, yang secara bersembunyi menyusup menyeludup tiada ketara, yang kini timbul di zaman kita ini, adalah cabaran ilmu” (Al-Attas, 2019: 90).

## 6. Kesimpulan

Agama merupakan salah satu perkara penting dalam kehidupan manusia. Agama disebut sebagai *al-Dīn* dalam Bahasa Arab dan *religion* dalam Bahasa Inggeris. Walaupun kalimat *al-Dīn* secara literalnya bermaksud agama, namun hakikatnya *al-Dīn* merujuk kepada agama Islam kerana Islam adalah satu-satunya agama yang diterima di sisi Allah swt. Di Malaysia, Islam merupakan agama rasmi Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Perbahasan mengenai agama, Islam sebagai *al-Dīn* serta asas-asas akhlak dibincangkan dalam sebuah buku karangan Al-Attas yang bertajuk *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*.

Al-Attas merupakan seorang ahli falsafah dan pemikir yang terulung dari Malaysia. Beliau merupakan keturunan Nabi Muhammad saw yang ke-37 mengikut susur galur keluarganya. Beliau telah menulis lebih daripada tiga puluh buah buku dan monograf mengenai Islam yang berkaitan dengan bidang metafizik, sastera, teologi, falsafah, agama, sejarah, dan peradaban. Buku-bukunya juga telah diterjemahkan kepada bahasa lain seperti Bahasa Arab, Indonesia, Parsi, Turki, Hindi, Urdu, Malayalam, Rusia, Itali, Bosnia, Albania dan Jerman. Buku *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak* ini mengandungi topik-topik berkenaan akidah dan pemikiran Islam iaitu mengenai kefahaman terhadap konsep agama dan Islam serta perbahasan mengenai asas-asas akhlak. Dinyatakan juga dalam buku ini perbahasan penting mengenai konsep ilmu menurut pandangan Al-Attas serta perkaitannya dengan kefahaman, amalan dan penghayatan seorang Muslim.

Buku ini telah mempersembahkan beberapa mauduk penting berkenaan agama Islam yang bukan sahaja menjadi kepercayaan kepada lebih suku penduduk dunia, malah mengajarkan fahaman penting berkenaan konsep-konsep seperti agama, ilmu, kebebasan, ihsan, ukhuwah, peranan, tanggungjawab, akhlak dan masyarakat. Kefahaman yang jelas dan betul mengenai konsep-konsep ini dapat membantu masyarakat memahami keluhuran Islam yang menjadi agama rasmi bagi Persekutuan Malaysia. Seterusnya, kefahaman ini juga dapat membentuk masyarakat Islam yang bertamadun dan juga sekaligus mengelakkan daripada kekeliruan dan salah faham terhadap agama Islam seperti yang dihadapi oleh golongan literalis, konservatif dan modenis.

## Rujukan

- Aidil, F.O. & Azmul, F.K. 2020. Konteks Historiografi Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *Jurnal Tuah*. 1: 24-40.
- Al-Attas, S.M.N. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Attas, S.M.N. 1985. *Islam, Secularism and the Philosophy of Future*. London: Mansell Publishing Limited.
- Al-Attas, S.M.N. 1995. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Attas, S.M.N. 2001. *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Attas, S.M.N. 2019. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Ta'dib International.
- Al-Attas, S.M.N. 2020. *Islām dan Sekularisme*. Terjemahan Khalif Muammar A. Harris. Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RSZ-CASIS) dan Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM).

- Al-Bukhari. 1987. *Saḥīḥ Al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Aris, W. 2009. Syed Muhammad Naquib Al-Attas's Semantic Reading of Islam as Al-Dīn. *Jurnal Al-Jāmi'ah*. 47(1). Yogyakarta: Pusat Penyelidikan Negeri Sunan Kalijaga Universiti Islam Yogyakarta.
- Darrāz, M.A. 1990. *Al-Dīn: Buhūth Mumahhadah Li Dirāsah Tārīkh al-Adyān*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Durkheim, E. 2008. *The Elementary Forms of the Religious Life: A Study in Religious Sociology*. Oxford: Oxford University Press.
- Eliade, M. 1987. *The Sacred and the Profane: The Nature of Religion*. trans. Willard R. Trask. New York: Harcourt.
- Frazer, J.G. 2002. *The Golden Bough*. n.p.p.: Dover Publication.
- Muslim. n.d. *Saḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-ʿArabiy.
- Novayani, I. 2017. Islamisasi Ilmu Pengetahuan Menurut Pandangan Syed Naquib Al Attas dan Implikasi Tahap Lembaga Pendidikan International Institute Of Islamic Thought Civilization (ISTAC). *Jurnal Muta'aliyah*. 1(1). Lombok: Etika Publikasi.
- Omar, M.Z. 2020. Ringkasan Sesi Ke-3 Bicara Buku Islam dan Sekularisme: Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak Bersama PM Dr. Khalif Muammar A. Harris. Raja Zarith Sofiah Centre for Advanced Studies for Islam, Science and Civilisation, UTM. 11 November. <https://www.utm.my/casis/blog/2020/11/11/ringkasan-sesi-ke-3-bicara-buku-islam-dan-sekularisme-islam-faham-agama-dan-asas-akhlak-bersama-pm-dr-khalif-muammar-a-harris-5hb-november-2020/>
- Shah, T.S. & Friedman, J. 2018. *Homo Religiosus? Exploring the Roots of Religion and Religious Freedom in Human Experience*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Suhid, A. 2009. *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Tylor, E.B. 1874. *Primitive Culture: Researches into the Development of Mythology, Philosophy, Religion, Language, Art and Custom*. Vol.2. California: University of California.
- Wan Daud, W.M.N. 1998. *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib AlAttas, An Exposition of the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Wan Daud, W.M.N. 2012. "Al-Attas: Ilmuan Penyambung Tradisi" dalam *Adab dan Peradaban: Karya Pengiktirafan Untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas*, disunting oleh Mohd Zaidi Ismail dan Wan Suhaimi Wan Abdullah, 1-60. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing.